REBAK
ZINE
ISU
#01
MEI 2020

ANTHROPOCENE HOMESTAY

"For times when you are tired of you own home"

IG: @anthropocenehomestay
Facebook: https://www.facebook.com/anthropocenekuching



FOURTH MILE RECORDS

Kuching based Online Record Shop
Pre-orders from Most Online Stores

facebook.com/fourthmilerecords

@fourthmilerecords

014-2858579 (Zaki) /
011-26509025 (Bondi)

DIRTY DETOX
PROMO OUT SOON!!
KUCHING CRUST PUNK!!

KANDANG
MUNSANG

https://www.facebook.com/detoxdirty
ddetoxpunk@gmail.com

PRAKATA EDITOR

Hello para pembaca!

Selamat datang ke isu pertama zine kami.

Pencetus idea pembuatan zine ini sebenarnya mudah, kami semua terperangkap di dalam rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan dan mempunyai lebih waktu daripada kebiasaan untuk menghasilkan sesuatu. Aku mengutarakan pertanyaan di kalangan kawan-kawan di Kuching yang seterusnya membentuk pasukan yang menghasilkan zine yang anda sedang tatapi ini.

Untuk isu pertama ini, kami memutuskan untuk memberi tumpuan kepada situasi yang sedang dihadapi kita semua: isolasi, kuarantin serta bahaya wabak. Paparan istimewa untuk isu ini sudah tentulah temuramah bersama teman-teman yang bekerja di barisan hadapan, atau lebih glamournya digelar sebagai frontliners. Teman-teman yang ditemuramah juga terdiri daripada mereka yang aktif dalam scene muzik DIY hardcore punk yang juga menyatukan pasukan yang menghasilkan zine ini.

Pengisian zine yang lain terdiri daripada artikel pendapat dan perhatian, resepi-resepi makanan dan minuman selain daripada ulasan-ulasan muzik, buku dan filem yang sempat dimuatkan dalam isu ini. Kami berharap apa yang disajikan dapat membantu ada menggunakan masa yang ada di bawah perintah berkurung, sebagai bahan bacaan yang boleh menghiburkan hati. Zine ini mempunyai bahan dalam dwibahasa mengikut kesesuaian penulis yang telah menyumbang dan dengan itu zine ini masuh bersifat experimental- mungkin suatu hari nanti dalam bahasa Melayu Sarawak atau Bahasa Dayak!

Kami sentiasa mencari penyumbang yang lain- sama ada anda meminati penulisan, mengambil gambar, mengulas album/filem/buku, membuat video/podcast- kami terbuka untuk bekerjasama dengan lebih ramai lagi, walaupun pada dasarnya kami semua terdiri daripada mereka yang berada di bandar Kuching di Sarawak. Anda boleh menulis kepada kami di rebakzine@gmail.com. Tulis juga komen, cadangan, kritikan pada kami!

#kitajagakita

NS bagi pihak Rebak zine

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	1
Artikel: Statistik Anda Salah	2
Article: Sadong vs Cam	3
Artikel: Bibit, Peristiwa dan Covid-19	4
Article: The Makings of A Punk	5
Artikel: Ketepatan Masa Gig	6
Article: Smell it, Please	7
Article: A Personal Voyage	8
Demystifying Cooking- Comic	9
Paparan Istimewa: Our Heroes Wears Mask	10
Resipi Ayam Pansuh	19
Temuramah: PROVISION	20
Temuramah: Wounded Flame	24
How to Make Rice Wine	26
DIY Germinating Seed & Plant	27
Album Reviews-Various Titles	28
Book Review- The Travels of Marco Yolo	32
Film Review- Exit Through the Gift Shop	33

HUBUNGI KAMI

Untuk sumbangan karya, pelawaan kerjasama, pendapat, resipi makanan, nombor ramalan, gosip liar atau pengiklanan di:

rebakzine@gmail.com

PANITIA ZINE

Editor: noblersavage, Farris Kassim
Penulis: Bojet, Farris Kassim, Jopal, Mr.B, noblersavage, Timun,
Penemuramah: Farris Kassim, Haizan, Naqie Moreno
Pengulas: Bojet, Farris Kassim, Jawnss, Jopal, Mr.B, Naqie Moreno, noblersavage, Timun
Rekaletak: noblersavage, Naqie Moreno
Pelukis: Digo, Jawnss
Kredit Foto: noblersavage, @avettdaybad, stock photos

Ada yang pernah berkata, hanya ketika bencana gempa bumi, pakar seismologi paling banyak mengumpul ilmu baru. Demikianlah juga bagi kebanyakan kita, yang hanya belajar mengenai kehidupan sewaktu tempoh berkurung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Banyak yang diperkatakan oleh teman-teman di alam maya- Ada yang menyedari bagaimana mereka mengambil mudah kebebasan pergerakan sebelumnya. Ada yang mengaitkan dengan kebersamaan, yang masyarakat hanyalah sekuat rantaian yang terlemah (weakest link)- kesejahteraan gelandangan dan pekerja migran yang tersisih selama ini tidak boleh diketepikan, kita terdedah kepada bahaya jangkitan jika keselamatan mereka terabai- penyakit mereka adalah penyakit kita juga.

Dalam kesamaan itu, ada yang melafazkan perbezaan antara yang berada dengan yang papa, bahawa kawalan pergerakan yang dilaksanakan mempengaruhi manusia pada takat berbeza- yang menjadi frontliner terpaksa bekerja lebih keras daripada sediakala, masa yang terluang bagi sesetengahnya untuk bersama dengan keluarga sambil mencuba resipi masakan baru, sebaliknya merupakan masa getir bagi yang lain yang tidak mampu untuk mencari perlindungan daripada wabak yang membunuh.

Pemikiran aku pula lebih menjurus kepada keselamatan makanan (food security). Jika anda ingat bagaimana dalam darurat manusia berpusu-pusu membeli keperluan (makanan) sewaktu PKP diumumkan, timbul sesuatu yang jelas tetapi tidak dinyatakan- yang dalam keadaan darurat nilai wang ringgit menjadi kurang berbanding barangan keperluan. Wang RM100 di dalam tangan tidak senilai seketul daging, seekor ayam atau satu bakul sayuran. Mereka yang sering membeli sayuran pasti menyedari bagaimana harga bawang merah naik mendadak setelah India menyekat eksport bawang ke tanahair. Semua ini adalah soal keselamatan makanan, keselamatan negara dan rakyatnya dalam aspek makanan. Seringkali food security dibahaskan pada peringkat nasional, tetapi untuk artikel saya ini, saya ingin berbincang pada peringkat kita secara individu.

STATISTIK ANDA SALAH: KITA SEMUA HARUS SARADIRI

teks, rekaletak & foto: noblersavage

Indikator statistik negara seringkali menunjukkan bagaimana mereka yang mengamalkan pertanian sara diri sebagai miskin (tanpa penglibatan mereka dalam pasaran). Maka berduyun-duyun pihak agensi dan universiti mahu memperkenalkan pertanian komersial kononnya untuk menjana ekonomi desa. Tetapi dalam keadaan darurat seperti PKP ini, adakah warga desa akan kenyang memakan buah sawit yang ditanam berekar? Ataupun dengan mengunyah kepingan getah sekerap anak-anak petani akan mendapat gizi? Rakyat desa yang bertani untuk sara diri sesungguhnya adalah golongan yang paling kaya dalam waktu PKP begini, kerana mereka mampu untuk menghasilkan makanan mereka sendiri, tanpa perlu beratur panjang dan berebut beras bersama warga lain dalam perasaan cemas.

Kita semua mampu untuk menjaga (sesama) sendiri dengan hanya melakukan aktiviti perkebunan. Ada perkongsian ringkas kami dalam isu ini untuk mencambahkan biji benih- permulaan kepada hidupan baru (entah muka surat berapa)! Berkebun merupakan aktiviti yang paling mudah, murah dan berfaedah untuk dilakukan (erm, sehinggalah anda obses untuk mencari vermicompost, perlite atau bokashi compost, tetapi itu cerita lain). Anda boleh meminta cantasan pohon kenalan (atau mencuri dari musuh) anda untuk memulakan tanaman anda. Orang yang suka menanam jarang sekali kedekut dengan bibit dan tips mereka- saya tahu, kerana saya banyak bergaul dengan mereka (dan instant menantu points dengan mak-mak!). Belajar untuk bermain dengan tanah, baja, pasir dan kompos. Bercucuk tanam mengajar anda erti kesabaran, memberi nikmat tatkala melihat kelahiran pucuk/daun baru terlahir dan melahir kebanggaan memakan hasil tanaman sendiri.

Aku kira kepentingan untuk bercucuk tanam ini tidak perlu dibincangkan dengan panjang lebar- anda telahpun sedia maklum. Aku cuma mahu menggalakkan anda untuk memulakannya pada hari ini juga (ok, mungkin minggu ini)- sebab bak kata Zack de la Rocha- **What Better Place Than Here, What Better Time Than Now?**

Sedikit tips:

1) Kalau mahal nak beli, pergi korek tanah! Cari tanah di kawasan yang telah ada tumbuhan- kerana terdapat bahan organik yang terkandung dalam tanah kawasan sebegitu dan korek!.

2) Cari bekas putih styrofoam besar di kawasan pasar sayur (selalunya di kawasan tong sampah), tebuk lubang di tepi dan di bawah kotak dan gunakannya sebagai bekas kompos anda- jangan buang sisa organik- komposkan untuk tanaman anda nanti! Bekas putih styrofoam juga afdal sebagai "pasu" tanaman anda, terutamanya untuk pokok yang bersaiz sederhana besar- cangkuk manis, pandan, lengkuas.

3) Kitar semula botol plastik/sinki/tayar/tong cat untuk jadi "pasu" anda. Pastikan anda tebuk lubang di bawah untuk pengaliran air! Aku juga suka membeli pasu plastik di kedai dua ringgit (Ninso)- RM2.50 untuk yang besar dan harga sama untuk 4 pasu kecil.

4) Kalau tumbuhan mahal- jangan beli! Belajar untuk "mencuri' potongan (cantas) dari pokok yang sedia ada, atau "kitar semula" akar daun sup, bak choy, batang cangkuk manis, halia/kunyit terbuang, serai.

SADONG VS CAM:
EQUALITY, EQUITY AND THE PANDEMIC

text by Bojet
layouting by noblersavage

There are many ways or methods around the world on how people drink their alcohol. For example in my circle as far as I know and had experienced, the famous methods are Sadong and Cam. Sadong is the first method that I learnt drinking liquor or any local booze here in Sarawak such as langkau or tuak (but tuak for me isn't meant for sadong or even cam). While Cam is a method I knew when I first drank with my fellow friends in the other region, on the peninsular side. For me, there are pros and cons for both of these methods. Oh ya, beer isn't applicable for these methods, but sometimes we "sadong" it anyway. I'll explain why.

Sadong is the method where a group of people in the drinking session usually share 1 cup/glass that will be pass on a "circle" by the tukang sadong (pourer/server). The number one rule is that the tukang sadong must drink it first and show it to the other participant as an "inauguration" to that session. The tukang sadong will usually hold the role until the end of the session for the day or at least being done with one bottle. The amount or how much the drink is poured is up to the tukang sadong. The tukang sadong usually holds the power on how much the drink is poured. But sometimes, when the participant complained it is too much or too little, they will negotiate between them till a compromise is reached on their ideal volume for the drinking session. Sounds like democracy eh? After each of their turn drinking the alcohol, participants will usually take a sip of other non-alcohol beverage as a mixer/chaser (ai timpak). Sometimes people use beer as ai timpak to get drunk/tipsy fast. Sometimes when we are out of liquor and only with beers left (or maybe too much of it and need to finish), we would surely sadong it. So that everyone got an equal amount from it. Because it is rotational, the person who held their drink for too long will get pressurized by the other participant if they can't wait.

Cam is a method famously used among my friends in West Malaysia. Cam came from a Malay word that is short for campur which means to mix. Different from the Sadong method, Cam uses more than one cup/glasses where it would be poured by the tekong (similar to the role of tukang sadong as a pourer). Participants will have their individual cup and the tekong will pour the alcohol usually half the glass and mix the other half of the amount with a mixer. Sometimes when there isn't enough cups that we will share and take turns to use the cup. The roles are much easier for the tekong for this method as there is no obligation on who will be the tekong for the whole drinking session. It could be anyone who volunteers to do it. Plus, no one will be forced in the session to drink up fast and participants could take their time and enjoy every sip of their drinks. On the other side, not all people will get drunk depending on their alcohol tolerance if the session is too slow. Participants might not have the same amount of alcohol with the others. Talking about tolerance, some might take it slow if they have a low tolerance. So we can say it is more equitable in this situation as people can consume more or less as per their needs.

During the MCO period, I did have a drinking session with friends and our drinking method has changed for now. We usually sadong our liquor before the pandemic but now we have to use the cam method as a matter of precaution even though people say alcohol would help prevent the virus. I still prefer the sadong method and I don't know why. Maybe it's the norm, or maybe it is because we could ensure each of our friend (when it comes to their turn) so they didn't miss anything and pay attention to each other, or the session makes conversations more interesting. I don't know..

I MISS SADONG SESSIONS.



BIBIT, PERISTIWA & COVID-19

By: Farris Kassim

Kabur untuk memahami persekitaran. Saya masih mencari berita mutakhir yang sahih tentang virus bernama "Covid-19" secara bersahaja santai. Tanpa diketahui perkara ini adalah "real deal" dan saya langsung tidak bersedia. Tapi ini juga mengajar saya supaya tidak leka tentang isu semasa.

Dalam perintah berkurung ini, saya kerap bersama keluarga dan kami selalu barter opinin. Saya minat mendengar kisah klasik Mak yang pernah lalui peristiwa darurat perang gerila di Sarawak pada pertengahan 70an. Di mana askar TUDM melepaskan risalah dari kapal terbang tentang gerila komunis yang dikehendaki dan bagaimana mak akan terjun ke sungai untuk mengambil risalah tersebut.

Bapak pula berkongsi kisah zaman persekolahan era 70an. Bagaimana rakan sekelas Bapak pernah ditahan askar kerana menunjukkan isyarat lucah kepada askar. Dia tidak tahu apa-apa. Bagi askar dia adalah agitator. Sifat agitator diklasifisikan sebagai sifat komunis. Itu yang didoktrinkan kepada askar.Siapa-siapa yang melawan disangkakan komunis. Kelakar.

Saya juga diberitahu keadaannya hampir sama, tapi ketegasan masa itu melampau-lampau. tetap aman seperti sekarang. Masa itu masih ada batas dalam gerak geri; kebebasan bersuara juga. Syarikat akhbar kurang menceritakan tentang polemik politik dan politik kekuasaan bukanlagi perbualan di kopitiam.

Dan sekarang tetap aman; itu yang saya rasa, bukannya ketakutan, bukannya panik. Secara harfiah, ini adalah pandemik. Krisis kesihatan yang perlu diselesai dalam bentuk kerja sama, bertanggung jawab dan literasi. pengaruh atau kuasa gagal menangani krisis ini.

Dalam kawalan pergerakan ini kita telah membataskan diri kita secara sukarela dan terpaksa atas sebab keadaan. Dalam kelapangan PKP ini saya selalu berceritakann tentang politik dan saya teringat sedikit pengajaran dalam buku The Plague karya Albert Camus, adakah budaya populis/heroism akan digunakan oleh orang berkepentingan selepas krisis ini berlalu? dan bagaimana kita menangani tekanan keadaan? adakah kita disambut atau dikritik?

Kedua bagaimana ekonomi PKS (peniaga kecil sederhana) rampas pasaran negara selepas terlalu lama negara tidak produktif? Macam mana peniaga ini mengorak langkah sekali lagi selepas kapital mereka tidak menjanakan untung?

Terakhir, apa yang akan berlaku selepas pandemik, bentuk pemikiran apa yang terhasil? Seperti contoh, sejarah Black Death selepas krisis Black Death reda, disitulah Zaman Renessaince bermula dan apa kita dapat belajar dari sejarah?

Dalam masa yang sama Sepanyol telah meletakkan Universal Basic Income untuk tangani kos sara diri semasa perintah berkurung. Masing masing ada perancangan. Dalam kelapangan ini atau selepas selesainya PKP ada baiknya jika kita menelaah perspektif dunia yang berbeza. Untuk mencari solusi dan saling berkongsi pandangan untuk rujukan masa hadapan.

The Makings of a Punk:

A Character Study of "The Hound"

text by: Mr. B in solitude
layout by: noblersavage

The character Sandor 'The Hound" Clegane from HBO's Game of Thrones TV series was portrayed by Rory McCann (the 'Yarp' guy from Hot Fuzz, 2007). Why I would write about a fictional character, you may ask. Well from the looks and behavior of this character, I perceived him to be one of the punkest fictional character ever appeared on TV.

The character background: A member of House Clegane. Worked as the bodyguard for the cruel Prince Joffrey Baratheon. He has a half-burnt face with a tall and tough built. Later deserted the kings guard position for King Joffrey Baratheon during a fiery battle in King's Landing (as he has Pyrophobia). Tried to bring a highborn lady (Sansa Stark) to her home in the North but she declined to follow. Won a trial by combat (to prove his innocence for a crime he was charged) against the leader of the brotherhood. He captured a highborn lady (Arya Stark, in a way to save her) for ransom and before heading to the Essos at the east to become a mercenary. The ransom plan did not succeed and he almost died as a result. He waved by a priest and later avenged the death of the priest that saved him. Met the brotherhood again and later joined them going North to fight the others (White Walkers). Fought in a global effort (Battle of Winterfell) and survived the threats of the others. Died fighting his own cruel brother Ser Gregor 'The Mountain' Clegane by sacrificing himself to fall together into a fiery death (into THE CLEGANEBOWL and an ironic death due to pyrophobia).

So what is my take on him? He is the most punk character in the series. He ended his service with the tyrannical king with the best remark by saying 'Fuck the king'. He despised the idea of knighthood as most knights did not really care about justice or the well beings of the common people but only wanted glory and money, just like officials that abused power in our world. A hypocrisy I might add in a world full of injustice and where the social order is heartless and the fundamental law is the strong exploits the weak. He talked like a punk with a lot of cussing but with good intentions. It is from that trait that I think he believed in upholding transparency rather than sweet talking with deceitful intentions. For me, if you want to say something just let it out, fuck it and deal with the consequences. Be accountable for your doings. Although with his brute demeanour, he did save the Stark girls and took part in saving the whole of Westeros from the threats of the others. This is the most punk thing he did as he can just go off to the other side of the sea and just say "Fuck Westeros' but he did not. He fought the good fight for the greater good. He also questioned divine entity, divine interventions and divine rights saying it's a lot of bollocks. That statement hit me the most right there and I agree with him because those sentiments for me are limiting factors on a global scale. This fictional character really portrayed an attitude that should be an example to us that can't be found in any 'Pendidikan Moral' subject syllabus. It tackles real-world issues and human nature rather than be fed with the idea of good or bad (do check Nietzsche philosophy). That's all for SANDOR "THE HOUND" CLEGANE.

Mr. B got the name from a cool-ass methhead (remember crack is whack, meth is death) and suffer from aerozoophobia and hates pigeon.



KETEPATAN MASA GIG: DISENGAJAKAN ATAUPUN BUDAYA? Oleh : TIMUN

Gig mahupun persembahan muzik atau apa segala jenis seni adalah aktiviti kegemaran kalangan anak muda tempatan. Di situlah tempat untuk mereka berjumpa dengan kawan-kawan yang mempunyai minat yang sama; berkongsi pendapat atau meluahkan apa yang terpendam dalam cabaran menghadapi kehidupan seharian. Kebiasaannya anak muda yang pergi ke gig terdiri daripada pihak organizer, band tempatan dan 'gig goers' (rakan, crowd, stuffs collector, aktivis, dsb). Walau bagaimanapun, ketepatan masa sering kali menjadi isu utama dalam mana-mana gig terutamanya dalam scene DIY tempatan.
Mengapakah ianya sering terjadi?

Selalunya, organizer gig juga terdiri daripada budak scene itu sendiri. Mereka yang menentukan band yang mereka jemput, bila, di mana dan harga tiket gig (bagi yang bertiket). Andai kata sesebuah gig dijadualkan pada pukul 5 petang, maka secara logiknya gig mula pada pukul 5 petang; bukannya pukul 6, bukannya pukul 8 malam. Iya benar, kadang-kadang terdapat juga masalah yang tidak dapat dielakkan seperti masalah pengangkutan, menunggu instrument, menunggu band, menunggu venue dan macam-macam lagi lah. Tetapi dari sudut pandang organizer, masalah ini dapat dielakkan dengan melakukan persiapan lebih awal kerana selain daripada menganjur, pihak organizer seharusnya memastikan acara berjalan dengan terancang. Oleh yang demikian, pengurusan masa amat penting supaya tidak berlakunya ketidakmenepati masa dalam
sesebuah gig.

Bukan sahaja pihak organizer, malah band yang membuat persembahan juga harus memainkan peranan penting dalam menjayakan gig yang menepati waktu. Walaupun masa gig telah ditetapkan, masalah ini akan sering berlaku. Kadang-kadang boleh sampai 1 jam tunggu band sampai venue. Hal ini menimbulkan pening kepala bagi pihak organizer untuk meny usun semula masa. Contoh, melihat band yang dah datang awal dan cuba bertanya kepada band tersebut jika mahu ganti band yang belum datang tadi. Itu pun kalau band itu sporting. Kalau ada bandmate diaorang yang belum datang juga macam mana? Mahu atau tidak kena juga lanjutkan masa gig. Itu baru pasal band datang lambat, bagaimana pula dengan band yang sudah datang, adakah mereka perlu pinjam instrument dari band lain? Lebih-lebih lagi kalau band pertama buat persembahan. Hal ini juga dapat mempengaruhi masa yang telah ditetapkan. Malah, masalah ini juga ada yang datang daripada band yang sama. Adakah ini menunjukkan yang band-band ini mempunyai masalah datang awal atau mengamalkan perangai 'rockstar'?



Bagaimana pula dengan orang lain yang pergi ke gig? Tidak juga menyokong 100% kepada 'gig goers', namun sesetengah daripada mereka juga ada yang datang awal sebelum gig mula. Ada pula yang datang lambat kerana nak tengok band yang mereka nak tengok sahaja. Walaubagaimanapun, ini bukan masalah besar kerana harga tiket juga tetap sama. Yang ruginya mereka ini yang tidak dapat enjoy daripada mula. Kebiasaannya, budak-budak ini yang akan memeriahkan dan menghidupkan sesuana gig. Ya, ada juga sesetengah organizer ini perlu menunggu orang ramai hadir sebelum memulakan acara. Tetapi bagaimana pula dengan 'gig goers' yang datang awal? Apakah tanggapan mereka terhadap gig yang tidak menepati masa ini? Kita semestinya tidak mengerti masa orang lain. Oleh itu, 'gig goers' ini juga mempunyai pengaruh penting dalam me nentukan pukul berapa sesuatu gig itu akan bermula.

Ketiga-tiga pihak ini merupakan tonggak utama dalam menjayakan sesebuah acara terutamanya gig dalam scene tempatan. Masing-masing bergantung dengan sesama pihak supaya masa gig dapat dipatuhi. Jika seorang lambat, ianya akan mempengaruhi pihak lain dan juga bakal melambatkan keadaan. Secara tidak langsung, ianya akan mengganggu masa orang lain. Tidak mengira international atau local band, ianya telah dipraktikkan semenjak dahulu lagi. Apatah lagi jika yang mengamalkan amalan perangai 'rockstar' ini lagi la menyusahkan ramai orang. Mahu mulakan on-time pun tidak dapat kerana menunggu, menunggu, dan menunggu. Oleh yang demikian, masalah ini seharusnya telah dibendung daripada awal lagi kerana ianya telah berlaku daripada dulu lagi. Adakah ini telah menjadi budaya dalam scene tempatan ataupun disengajakan?

SMELL IT, PLEASE: MICROPHONE'S HYGIENE AND CONCERNS *By: Bojet*

After the Movement Control Order (MCO) period is over, the local underground scene might soon be having a gig. Scenesters might be looking forward to it after a long period of boredom in their own respective homes, thus having a cabin fever. ersonally will try to avoid crowded spaces (if it is possible) from being insecurity that it might create another cluster from the aftermath. One ofmy main concern when going back to the stage is the microphone that will be used by performers, especially the vocalist of a ›and.

The microphone is one of the equipment or gear on stage that is highly exposed to germs besides guitar strings. The steel mesh on the head is made from metal, and according to the interview with Dr. Akiko Iwasaki done by The Guardian, the coronavirus could last on metal surfaces up to 72 hours! The foam or the windscreen on the inner part of the steel mesh are usually made from polyurethane, that is designed to block wind at less than 1 m/s, and also to trap micro germs from transmitting it to you. To make it worse, besides the head where you scream at, the housing where you put your hands on is also a high-risk zone.

The equipment provider or the owner of the microphone should clean up their microphone at least after each show when used. I've seen and used lots of "dirty" mics in the rehearsal studios, on stage and even on the local bar on karaoke nights. Try to smell it, please. It was never my concern back then till now that I've thought about it. Microphones such as dynamics microphones could be cleaned easily with a cloth sparingly moistened with isopropyl alcohol. While the windscreen foam could be easily removed and washed with water and soap.

Now that I have thought about this, I will bring my own dynamic microphone next time to perform shows. Yes, not only guitarist and drummer could bring their own guitar, gadgets, and also pedals and cymbals. I wouldnt want to share a micro phone with the others. I have sinusitis, would you like to share one with me? There are plenty of low budget dynamic microphones (who the hell use a condenser on stage anyway?) that I can suggest; one of it is the Superlux TM58 (which I own right now). I bought it for RM85 and it served me well, quite durable I can say. Maybe I should start a campaign #bringyourownmic HAHA!

A PERSONAL VOYAGE THROUGH LSD AND ISOLATION

by Mr B

This writing is based on a pre-decided self-experimentation. This is for documentation and harm reduction. Mr B does not promote the use of substances.
It started on 0903 on 20th April 2020. I have decided before that day I would consume two gummies of LSD (each about 160-180 ug, so I don't know chemically does it multiple each other or average out the two) to find out what it was like to intensify isolation. Do note that I am on 80% isolation (for I do have a housemate). It took about give or take an hour and thirty minutes for it to kick in. I did eat well and did my chores (washing bedsheet & dishes) before I dropped the gummies so that I would not get distracted from the said self-experimentationobjective.
At the time of chemicals kicking in, I started to experience the famous ghosting effect. I was elevated. I chatted with both of my parents via Whatsapp. I listened to Jamaican Island Mix and just went on with it. I set the various colours of highlighters, pencil, an A4 paper and a writing board on my bed. Once things really peaked, I shut the door to my room and just 'layan' the damn thing. I took the highlighters and wrote every single words that I can use to describe every single feeling that I felt at that moment (check the picture attached here: about 36 words are readable). I was lost in trance. Once the euphoria calmed itself down, I started questioning why I did embark on this experimentation. I tried not to think about it but it kept on emerging.

Then it turned for the worse, questioning after questioning on why I did this in the first place. These were the main questions;
Where is the beginning?
Where is the masterpiece for this particular EXPERIMENT?,
'How can I know my OWN consciousness?
'Is it solely my own consciousness, or does it meet with others?',
'If my consciousness is not with others, then have we been living in a looping simulation where nothing matters and you yourself are your own god creator?'

The worst part was the suicidal thoughts that came after. 'MY MASTERPIECE WILL BE MY LEGACY AFTER MY DEATH'. BOOM! That was it, I know I'm stuck in this never-ending loop of self-egoistic thoughts and feeling. I tried to think everything through but everything kept on collapsing on the fundamental question of 'WHAT ARE YOU DOING WITH YOURSELF MR B'. Then I walked out of my room, sweating like a damn (skinny-ass) pig to the veranda overlooking the other block. I gripped the railing of the veranda tightly as I was in deep thoughts. I kept hold on to it. I moved inside into my room. I started to pick up on a poem that I am trying to do at the time of writing (Poem 1 below). I tried to express everything in a conclusive single wordings. In the end, I left that overhung so-called conclusive poems to itself and sat. I took the pencil and wrote 'HAMPIR HUJUNG END SEBUAH EXPERIMENT MENCARI EUPHORIA

*Poem 1
"Isolasi dengan otak,
Sebuah observasi,
Mencari the bigger picture but scared,
Ini normal, Ini siang tunggu malam,
Menyimpul kendiri,
Benda LAMA dan akan datAng,
ADAKAH INI SELAMANYA,
DIMANA SANITINYA!"

MR. B slept about 12 hours before tripping, drank about 1.5 liter of plain water during tripping and tried to be as neutral as possible in writing this after the trip.

DEMYSTIFYING COOKING

text & artwork by: nobler savage

There is just so many type of "literacy" that are imposed on us in this day and age. A person who doesn't know how to read would get the default "illiterate". A person knowing computers; "technology literate". However, to me there is none more important than "kitchen-literacy". Cooking is the form of art that is key to your survival, and there is nothing more DIY than to feed yourself. For the purpose of sharing, I would like to list ~~I'm to of~~ the things to know to not to appear idiotic in the kitchen. Together with some of my personal preferences.

Face Shield
Direct Splash Protection
TRIQ

OUR HEROES WEAR MASKS

Dalam isu pertama Rebak zine, kami ingin memfokuskan peranan teman-teman daripada scene muzik DIY kami yang berperanan sebagai frontliner pada waktu serangan wabak coronavirus COVID-19. Kami sempat mewawancara empat rakan-rakan yang bertugas dalam pelbagai agensi untuk mendengar kisah peribadi, tanggungjawab, cabaran serta nasihat mereka dalam menangani bencana ini.

Wawancara oleh: **Farris Kassim, Mr. B, Mr. N**
Foto oleh **Bat, Encik K, Tariq dan Zim**
Potret artwork: **Mr. B.**
Rekaletak: **noblersavage**

TARIQ KAHA

Temubual ini dikelola oleh Naqie dan disambut baik oleh Tariq Kaha yang bekerja sebagai pegawai di sektor kesihatan. Lokasi kawasan bertugas Tariq adalah di ibu kota Kuala Lumpur. Sekarang Tariq masih aktif bersama band Clockwise. Temubual ini berlangsung hanya melalui aplikasi Whatsapp dan menggunakan Bahasa Melayu Sarawak sebagai medium bahasa; selamat membaca!

Naqie (N): Apa khabar orang kampung sudah makan kah belum?

Tariq (T): Hi Naqie *my man*. Sudah selesai makan, dirik sudah?

N: Yes udah pok! Perkenalkan dirik kitak dalam scene (gig) & kerja. Simple pun sik hal bro.

T: Aku ada *band*, seorang gitaris & vokalis. Kerja seharian sebagai *frontliner* banyak juaklah dipolah, contoh ambik *sample* sidak *contact*, nyembor tempat-tempat kluster & kerja-kerja yang lain.

N: Steady, area ney tempat kau ambik sample & sembor. Rami kah kitak orang ditugaskan? S.E (side effect/sepek/takut) sik kau time polah benda ya?

T: Contoh Masjid Sri Petaling, kuarters tempat sidak *staff* madrasah, madrasah & banyak gik lah. Rami juak yang ditugaskan. Ada bantuan dari sidak pejabat kesihatan yang lain. Mula-mula nang *S.E*, sebab covid ya merebak dengan cepat. Silap langkah, membawa padah. Tapi bila tiap hari polah benda yang sama. Jadi biasa & makin semangat pun ada nak *fight* covid! Musuh yang sik dapat didiat, tapi boleh mematikan.

"Paling kaw pernah ku rasa, angkat mesin sembor, kakya ko pake full PPE. Peluh sik payah padah lah, dengan beratnya mesin"

N: Nice pok! suka ku dengan semangat kau. Ko rasa safe sik dengan alat-alat yang disedia oleh sidak majikan ko? Adakah pernah terjadi bisak sikit kah dekat alat-alat pencegahan wabak tok tek atau pun kitak orang ada D.I.Y sendirik atau sikit modifikasi supaya alat-alat kitak orang pakey rasa selamat bila dipakei?

T: So far, sidak KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) terlalu ambik berat tentang alat-alat yang sidak pake. Contoh *PPE (Personal Protection Equipment)*. Sekali pake terus buang, setiap peralatan macam contoh alat sembor, diinfeksi dolok selepas & sebelum dipake.

N: Dalam banyak-banyak *duty* seharian kau tok, kau rasa part ney paling susah atau pun sulit untuk kau menangani didalam pekerjaan kau, pendek cerita. kau ada rasa *fear* lah waktu molah kerja ya?

T: Paling kaw pernah ku rasa, ko kenak angkat mesin sembor, kakya ko pake full *PPE (Personal Protection Equipment)*. Peluh sik payah padah lah, dengan berat nya mesin. Fuh, mencabar. Selain ya, kenak jaga kaunter *sample* di tempat-tempat ambik *sample* dengan panas terit. Agak kurang udara lah kau bila makey *full PPE (personal protection equipment)*. So far, setakat tok *fear* aku mungkin ada *paranoid* sikit bila kau pergi ke tempat *redzone*, aku cuma takut orang *attack* sebab nya tek ada covid. Hahaha tapi ya lah, ya cuma perasaan ajak. Lawan perasaan takut & *fight* covid! Yer.. Hahahaha

N: Perghhh, baca ajak aku dah dapat rasa, apa rasa nya bertugas sebagai *'frontliner'*, terima kasih diatas usaha kitak orang menangani isu wabak Covid 19 tok. Ktk orang adalah *unsung hero* masa tok. Boleh kah kau berkongsi atau apa jak kau rasa mok sampaikan untuk kawan-kawan kita dalam *scene*?

T: Sebagai salah satu *frontliner*, bila masa kerja ko polah lah dengan ikhlas, aku engkah *mindset save people & fight covid*. Untuk brader-brader, *sister-sister* dalam *scene*. Polah lah apa ktk orang mok polah. Polah biar ikhlas, jangan ada hasad dengki, *bring the positivity* dalam *scene* dengan cara tak orang pun. Peace.

ZIM

Temu-bual bersama Barisan Hadapan (Frontliner) Z oleh Mr.B pada tarikh 27 April 2020 Cara tembual ini adalah melalui 'Chatting' melalui aplikasi Whatsapp (2037-2240, 27 April 2020). Selamat membaca!

Mr. B (MB) : Hello Zim, Mula sekali. Apa khabar kau?

Zim (Z): Aku sihat.

MB: Alright Zim, bolehkan ceritakan sedikit tentang pekerjaan kau dalam kategori barisan hadapan?

Z: Tugas aku dalam kes Covid-19 adalah sebagai 'Transporter' untuk memandu ambulan Klinik Batu Kawa. Jadinya tugas aku adalah untuk membawa 'Patient Under Investigation' (PUI)/ Pesakit Bawah Siasatan dan pesakit positif ke hospital ataupun pusat kuarantin.

MB: Ada rasa perbezaan ke tidak dari segi beban kerja ataupun rutin kerja? Jadual kerja kau ada berubah?

Z: Untuk beban kerja ada penambahan berlaku dari segi waktu bekerja. Sebab sebelum ini, waktu bekerja aku ialah waktu pejabat. Jadi selepas pandemic Covid-19 ini, waktu kerja aku menjadi 8am-12am, dalam seminggu 3 kali sebab ada putaran jadual kerja aku dengan rakan sekerja.

MB: Wahhh! Selain daripada kerja hakiki, terdapat penambahan kerja di luar hakiki?

Z: Untuk mengatakan di luar hakiki itu tidak ada lah, Cuma aku ada juga membantu dalam menyerah pesakit ke wad. Kerja ini kebiasaannya dilakukan oleh pembantu kesihatan yang mengikuti sama tetapi disebabkan pada masa ini aku dengan pembantu kesihatan tersebut mempunyai 5 orang pesakit untuk dikendalikan, maka aku pun memutuskan untuk membantu pembantu kesihatan itu menyerah pesakit ke wad juga.

MB: Mesti ada gemuruh/takut kan? Ataupun tak? Dari Piawaian Operasi Kerja/'Standard Of Procedure' (SOP) dan arahan adakah semuanya jelas dan membantu dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut?

Z: Pertama kali mengendali kes Covid-19 ini memang ada perasaan gemuruh. Selepas mengendalikan kes beberapa kali dan melalui SOP serta menerima arahan, aku pun rasa okay lah. Keyakinan ditambah lagi dengan pemberian 'Personal Protective Equipment' (PPE) untuk kegunaan petugas barisan hadapan bagi mengendalikan kerja-kerja.

MB: Jadinya semua bahan dan PPE untuk mengurangkan risiko kerja kau sekarang memang mencukupi dan selamat? Ada apa penambahan yang nak dicadangkan untuk PPE ataupun SOP? Mungkin idea dari kumpulan pelaksana macam kau.

Z: Setakat ini, PPE terbaharu yang berwarna putih memang cukup selamat untuk kegunaan barisan hadapan. Setakat ini, tugas aku semua Okay lah.

MB : Cun! Jadi apakah perasaan kau apabila menerima berita bahawa Covid-19 telah memasuki Malaysia?

Z: Kes pertama di Malaysia 23 Januari tidak silap aku. Aku nak katakan terkejut tidaklah sangat sebabkan aku perhatikan negara jiran kita pun banyak yang telah kena. Perasaan masa itu cuma perlu bersedia sahajalah. Disebabkan pihak atasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah memberitahu awal kepada staf yang akan terlibat.

MB: Setelah semuanya itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula dikuatkuasakan. Apa pula perasaan kau dari segi kerja dan peribadi sendiri? Sudah bersedia untuk PKP itu?

Z: Fasa pertama PKP agak sukar bagi kehidupan peribadi aku terutama untuk keluar berbeli barangan. Tetapi untuk segi pekerjaan setakat ini tiada halangan sangat. Disebabkan semua staf KKM ataupun petugas barisan hadapan memang mempunyai pass pergerakan.

MB :Semasa temu bual ini, kita sudah dimaklumkan bahawa PKP akan sampai 12 Mei? Wajar atau tidak keputusan tersebut, pendapat?

Z: Okay! Ini pendapat persendirian aku yang bertugas untuk melakukan tugas-tugas menangani Covid-19 ini. PKP ini adalah untuk menyekat penularan wabak. Aku tak cakap yang PKP ini 100% menyekat tetapi boleh membantu dalam memperlahankan penyebarannya. Erti kata lain 'mengurangkan'. Bagi aku wajarlah. Sebab kalau kita memberhentikan PKP ini, berkemungkinan besar peningkatan kes naik mendadak.

MB: Pada masa mulanya PKP ini, ada rasa risau dalam bertugas? Rela hati? Keberatan hati? Boleh terangkan sikit kerisauan tersebut?

Z: Aku boleh jawabnya dalam setengah-setengah 50/50. Aku lebih kepada kesihatanlah terutamanya disebabkan isteri aku pun tengah mengandung.

MB: Wahhh! Serious? Tahniah Zim

Z: Thank you, thank you.

MB: Jadinya isu kesihatan merupakan keutamaan tertinggi berbanding semua. Ok ini serious sikit. Kau sebagai petugas barisan hadapan ini pernah disyaki virus Covid-19?

Z: Bagi aku kesihatan pertama. Heheh! Kalau sihat boleh berusaha cari sumber kewangan untuk teruskan kehidupan. Aku baru sahaja habis tempoh arahan kuarantin harini (27/4/2020), syukur setakat ini ujian pertama serta kedua 'Throat Swab' aku negatif.

MB: Shiohhhhh! Ceritakan macam mana boleh sampai ke situasi itu? Pengalaman? Perasaan? Adakah kes disyaki kau ini berpunca dari pesakit positf masa mengendali mereka pada waktu kerja?

Z: Perasaan semestinya takut serta gemuruh menunggu keputusan ujian pengesanan. Aku batuk sepanjang minggu lepas. Jadi aku maklumkan kepada bos aku. Jadi untuk pencegahan serta keselamatan, bos aku simpankan slot untuk 'Throat Swab' bagi aku pada Selasa dan Khamis minggu lepas. Jadinya automatik aku dapat arahan kuarantin. Ada kemungkinan tetapi dikirakan risiko rendah ataupun tiada risiko sebab aku mengendali pesakit dengan menggunakan PPE penuh.

MB: Jadinya berapa lama sudah kuarantin dan tidak turun kerja? Kuarantin di rumah? Masa di antara mulanya sedar ada gejala/symptom dan masa untuk 'Throat Swab'? Memandangkan kau negative, punca disyaki bukan dari kerjalah setakat ini? Tidak ada terlibat dengan kluster-kluster lain kan?

Z: 7 hari dah tidak kerja, Ya aku kuarantin di rumah. 'Self-Quarantine'. Ya bro bukan dari kerja. Setakat ini aku tidak ke mana-mana kluster lah. Aku jaga jarak juga dengan mana-mana orang yang tidak di kenali atau lama tidak berjumpa.

MB: Memandangkan kau bagi tahu yang isteri kau tengah mengandung, apa penerimaannya ataupun ahli keluarga lain melihat kau bertugas di barisan hadapan? Akan kerja dan melapor diri bila?

Z: Pada mulanya mereka berasa risau bro tetapi selepas aku perjelaskan dan disertakan gambar-gambar aku memakai PPE dengan betul, mereka okay juga. Syukur juga aku, isteri aku memahami tugas-tugas aku. Kekadang balik 2 atau 3 pagi selepas mengendalikan kes. Esok bro. 28 April.

MB: Tahniah dapat pasangan yang memahami. Macam manalah SOP kau selepas kerja di rumah? Rutin penjagaan kesihatan dan kebersihan demi keselamatan serta kesihatan keluarga? Pengalaman? Perlu berkhemah, mandi luar rumah? Ahahahahahaha!

Z: SOP aku kebiasaanya akan mandi sekali dahulu di pejabat sebelum balik. Sampai di rumah, aku akan bukakan semua baju kerja. Isteri sudah sediakan awal tuala di luar lah. Dan aku akan letakkan baju ker dalam baldi berisi cecair pencuci. Terus masuk rumah lalu mandi. Dan barang persendirian aku macam 'wallet', 'phone', kunci, beg aku akan sembur menggunakan semburan anti bakteria. Setakat ini berkhemah tak pernah lagi, tidak ada barang berkhemah. Mandi luar kebiasaannya jika aku balik malam selepas menghantar kes, kalau masih dalam pukul 8 atau 9 malam, aku akan mandi di luar dahulu kemudian mandi sekali lagi di dalam rumah.

MB: Yohh bihhh! Leceh juga. Berapa lama lah rutin tersebut? Sejam? 2 jam?

Z: Dekat nak sejam juga bro. Yeap! Ahaha! Bagi aku leceh sebab keluar berbeli barangan keperluan pun perlu mandi bagai. Sekali keluar, sekali mandi.

MB: Naik bayaran bil air. Hahahahaha! Jadi sepanjang PKP, kau kerja, makan macam mana?

Z: Syukur tidak semahal elektrik, 'mun sik lonyoi nak baya' (kalau tak sakit nak bayar). Makan pun kalau di pejabat, kami akan 'tapau' (bungkus) dari luar. Kalau tak pun, Food Panda atapun Grab. Ahaha! Tak dapat lepak 'ngopi' lagi dah.

MB: Ada mendapat apa-apa bantuan tidak sepanjang bertugas? Kerajaan, 'Non-Government Body' (NGO), majikan? Seperti makanan, siapa ada banyak memberi? NGO ada bagi apa contohnya?

“Perasaan semestinya takut serta gemuruh menunggu keputusan ujian pengesanan. Aku batuk sepanjang minggu lepas (...) Bos aku simpankan slot untuk throat swab”

Z: Makanan bro. Hehehe! Dan alat PPE. Macam pelindung muka, sarung kasut. Semua pihak ada memberi bro. Makanan aku lupa bro. Tetapi pelindung muka haritu NGO Bulan Sabit Merah ada memberi. Sarung/tudung kepala dan sarung kasut. Oyeah! Makan haritu badan koporat ada bagi. Bank Rakyat dan Bank Negara. Setakat ini, makanan mencukupi bro untuk orang di klinik, sebab juga masih mempunyai masa untuk keluar ataupun menempah melalui Food Panda bagai. Seperti PPE itu sedikit sebanyak membantu bro. Sebab penggunaan PPE itu kerap. Kalau untuk ‘gang-gang’ di pusat saringan atau pusat kuarantin, aku tak dapat nak komen sebab belum bertugas di situ.

MB: Betul betul. Okay! Sebagai barisan hadapan, apa pendapat kau tentang orang awam yang mengharungi PKP dalam menangani wabak ini? Mungkin orang awam di sekitar kau atau kau perhati semasa kerja? Ataupun secara amnya pun boleh.

Z: Sangat berterima kasih kepada orang awam yang peka akan keadaan pandemik Covid-19 ini. Yang penting jaga kebersihan dan ikut SOP apabila hendak melakukan sesuatu aktiviti.

MB: Macam mana kerjasama antara pesakit dengan kau, serta keluarga pesakit dengan kau dalam mengendali pesakit PUI tersebut?

Z: Setakat ini kes-kes yang dikendalikan, semua keluarga okay. Belum jumpa lagi yang susah untuk bekerjasama,

MB: Okay sikit sahaja lagi, dalam 2 soalan. Apakah pesanan kau kepada orang ramai selaku barisan hadapan. Pesanan sebagai barisan hadapan kepada sesama barisan hadapan?

Z: Kekal utamakan kebersihan, kekal sihat dan kekal berada di rumah. Paling penting, ikut SOP kalau melakukan apa jua aktiviti diluar. Untuk ‘gang’ barisan hadapan terutamanya ‘gang’ barisan hadapan dalam ‘scene’ tidak kisahlah ‘scene’ hardcore, punk, metal atau apa jua, kekal teguh, kekal sihat dan ‘never back down’.

MB: Ada cadangan untuk band local yang harus didengar masa PKP ini?

Z: Banyak tapi aku paling cadangkan RECT. Powerviolence dari KL, power siak! Mereka baru release demo. Non Human League demo ada dalam Youtube. Ahaha!

MB: Fuhhh! Brader memilih band powerviolence ketika menangani wabak ini. Padu oss!

ENCIK K

Wawancara ini berlangsung hanya mengunakan voicenote di whatsapp. Sukar untuk bersua muka waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini atas sebab masa dan lokasi. Encik K adalah pemain gitar, bass dan drum untuk band muzik ekstrem di Sarawak; Encik K kerap aktif dalam scene underground. Dia seorang seorang pegawai kerajaan di sektor penguatkuasa. Saya sempat menemubual Encik K dan dia begitu senang untuk berkongsi tentang pengalamannya waktu bekerja. Wawacara oleh Farris Kassim.

F: Hello Encik K. Terima kasih sebab mahu turut serta untuk wawancara ini. Saya sangat menghargai kelapangan anda menjawab soalan-soalan ini. Soalan saya bukan lah berat, Apakah beza atau beban tugas sebelum dan selepas wabak merebak di Negara kita?

K: Baik. Beban kerja sebelum ini lebih berisiko jugalah. Mengurus pendatang asing tanpa izin (*PATI)*. Mereka ada membawa penyakit juga. Seperti tuberculosis, Hepatitis kah, AIDS pun boleh merebak. Bahaya masa operasi itu memang adalah. Tapi masa MCO ini memang bahaya lagi lah. Jauh bezanya, terutama sekali bab pengendalian *PATI* lah. Kami tak dapat nak aktif macam biasalah. Perlu kawal jarak masing masing.

F: Apakah perasaan anda bila menerima isu tentang wabak merebak di negara kita. Apa penerimaan anda pada waktu PKP ini. Anda sudah bersedia? Adakah ia wajar dilanjutkan sehingga 12 Mei?

K: Perasaan itu memang dah ada lah sebelum PKP ini

berlaku, biasalah bila dah tahu info dekat luar negara. Terutama sekali, negara yang pertama kali macam China. Lagi-lagi negara kita yang banyak berurusan dengan China. Dari situ sudah ada rasa takut tentang penyebaran wabak. Lepas itu, PKP ini dijalankan macam sudah tahu akan dibuat. Kami ambil pendekatan untuk bersedialah. Kerja pun *"standby"* saja. Mereka bukannya suruh turun setiap hari, kami bergilir-gilir mengikut kumpulan. Kalau ada tugasan yang penting turunlah walaupun keadaannya menakutkan tapi tetap turun kerja. Takut sebab ada sahabat yang dikuarantin sebab ada *contact* dengan pesakit Covid-19. Sebelum PKP ini, kami juga sudah disediakan standard operating procedure (SOP) kebersihan asas dan mudah. Kami juga merasa takut lah, jadi apa-apa pun kalau kami dipanggil untuk bertugas kami orang turun. Kami hanya bersedia turun sajalah, ini memang tanggungjawab kerja kami. Dengan SOP sendiri. Dan saya rasa PKP patut lah dilanjutkan sampai 12 Mei sebab belum ada prestasi yang bagus, Kuching juga masih redzone kan? Dengan perangai orang kita yang masih jalan-jalan. Memang patut dilanjutkan lah. Kiranya untuk fasa pembersihan dan kebersihan lah.

F: Okay Encik K, jawapan yang padat. Frontliner bukan setakat kesihatan, tapi keselamatan juga dan ada kepentingan ekonomi juga. Ada orang bergerak sebab ekonomi, keselamatan dan kesihatan sosial. Kamu sudah terangkan kerisauan, bila kamu menjalankan tugas ini? Paling kamu merisaukan apa sebenarnya? Kesihatan diri, kewangan bila menjalankan tugas? Atau kamu risau hal ekonomi negarakah? Atau perkara lain?

K: Masa kerja begini paling risau lah dengan kesihatan sendiri. Sebab masih banyak tanggunggjawab terhadap keluarga lagi. Masih ada bayi yang masih kecil. Takut juga bawa penyakit ke rumah. Kalau kena diri sendiri tak apa lah. Yang boleh berjangkit itulah yang tak menariknya. Fikir juga kesan terhadap ekonomi. Kami masih bersyukur kerana masih ada gajilah. Tapi bila mengenangkan sahabat lain yang kerja sendiri, aku amat kasihan lah. Kalau boleh, kalau disuruh jadi *frontliners* lain aku pun mahu. Membantu juga lah daripada wabak ini berpanjangan. Kita tolong sikit lah. Kesan terhadap negara sangat besar lah waktu PKP ini memang tak dapat dinafikan dari segi ekonomi, sosial. Kita tak dapat bersosial macam dulu, berkerja pun bukan macam biasa. Macam pelajar-pelajar sekolah tak pergi sekolah. Kita mesti prihatin dengan kebersihan sendiri lah.

F: Apa penerimaan keluarga kamu? Adakah mereka keberatan bila mengetahui kamu sebagai *fronliner* **waktu PKP ini. Selain itu penerimaan dalam rumah juga bagaimana? Ada mereka menitik berat tentang kesihatan? Ada SOP sendirikah?**

K: Kalau dapat, keluarga tak nak suruh kerja lah hehe. *Gohead* sajalah. Kita redha saja lah. Kalau dapat jaga kebersihan habis lah, kalau balik aku akan mandi diluar dulu. Buka baju dan hanya tinggal *boxer* saja lah. Dah bersih baru masuk rumah. Itu pun kalau aku pulang aku tak pegang anak dulu. Aku akan berehat jauh dulu sebelum membuat *contact*. Setakat ini keluarga, macam isteri saya memahamilah juga kerja aku. Sebab kerja dia sama dengan aku juga. Cuma dia cuti bersalin lah, maka dia tidak bertugas.

F: Betul masing-masing perlu sedar dengan kebersihan sendiri. Selain itu, kau ada terima bantuan dari kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), majikan bila bertugas? Dalam bentuk apa? Adakah bentuk bantuan mencukupi untuk kamu?

K: Bantuan ada yang diumum oleh kerajaan, ada mohon tapi sekarang tiada berita. Rasanya belum dapat juga lah. Harap dengan gaji sendiri dulu. Asalkan masih boleh bertahan beli bekalan makanan pun cukup. Sebelum ini kami bahagian penguatkuasa diberi insentif RM200 sebulan. Syukurlah ada, kalau bantuan itu tak masuk pun tak apa jugalah. Boleh salur kepada orang yang memerlukan lah.

F: Sebagai frontliner lah apa pendapat kau tentang orang masa PKP. Lepas itu, adakah mereka memberi kerjasama atau tidak dekat kalian? Adakah mereka faham dengan keadaan sekarang? Apa pesanan kau dekat mereka di luar selepas habis baca wawancara ini?

K: Pasal PKP ini. Harap semua bagi kerjasama. Tidak kisahlah orang awamkah, orang berpangkat. Ikut arahan *frontliner* dan penguatkuasa. Bukan suka-suka nak buat PKP, tiada untung PKP ini. Semua ekonomi dihentam oleh PKP, kalau ada yang bekerja sendiri boleh mohon bantuan. Yang pening buat masa ini bersabar, terima dugaan ini,

"Kalau dapat, keluarga tak nak suruh kerja (...) Gohead sajalah. Kita redha saja (...) Kalau balik aku akan mandi diluar dulu. Buka baju dan hanya tinggal boxer saja. Dah bersih baru masuk rumah. Itupun kalau aku pulang aku tak pegang anak dulu. Aku akan berehat jauh dulu sebelum membuat contact.

stay dalam rumah, jaga jarak. Kita mesti satu kepala, bersatu padu, untuk memutuskan rantaian wabak ini. Kita bagi bersih habis. Lepas itu kepada ada sahabat-sahabat yang mempunyai orang tua di rumah mohon mereka jaga kesihatan dan kebersihan sebab mereka lebih berisiko. Terutama budak kecil yang terdedah benda begini. Mesti patuhi jarak sosial lah, jangan keluar malam. Semua ada sebab, bukan suka-suka kerajaan buat PKP ini. Jangan bersuara mcm di Amerika Syarikat kerana mereka tidak setuju dengan *control order*. Tengok berapa *casualties* mereka, kita tak nak macam itu. Maka bagi kerjasama..

F: Maka kita sudah menjawab segala persoalan. Anda sudah bincang tentang pengalaman anda bila bekerja. Pengalaman yang penting untuk dijadikan rujukan orang luar sebenarnya. Apa solusi, apa SOP, apa gerak kerja waktu menjalankan tugas. Terima kasih Encik K atas menjawab soalan wawancara ini.

BAT

Bat (B), ditemuramah oleh Farris Kassim (FK)

Saya langsung tidak tahu siapa lagi sahabat dalam scene yang menjadi frontliner. Atas sebab jaringan persahabatan saya dapat jejak mereka dan mulakan wawancara. Encik Bat adalah gitaris dalam sebuah band Skramz/Hardcore Punk yang berkelola di Sibu, Sarawak. Kali ini saya dan Encik Bat telah berkongsi persoalan, dalam masa yang sama Encik Bat berkongsi pengalaman. Semoga sahabat-sahabat lain juga dapat manfaat dalam sedikit perkongsian ini.

Farris Kassim (FK): Boleh perkenalkan diri anda? Apakah pekerjaan anda?

Bat (B): Hi saya Bat, saya bertugas di salah satu pintu masuk antarabangsa di negeri Sarawak.

FK: Bagaimana beza / beban tugas sebelum dan selepas wabak merebak di Negara kita?

B: Sudah semestinya beban tugas semakin bertambah terutamanya dari segi mengemaskinikan data dan laporan-laporan tambahan yang perlu dihantar setiap hari.

FK: Terdapat perubahan pada jadual tugas anda semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlaku?

B: Semenjak PKP ini berlaku saya bertugas setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum.

FK: Apakah perasaan anda setelah menerima berita bahawa wabak telah merebak di negara kita?

B: Sudah semestinya saya berasa sedih dan khuatir akan perkara ini.

FK: Bagaimanakah penerimaan anda terhadap PKP ini? Adakah anda bersedia? Adakah wajar ia dilanjutkan sehingga 12 Mei?

B: Saya menerima PKP ini dengan hati yang terbuka dan berfikiran positif bahawa ini adalah salah satu cara yang berkesan bagi menghalang penularan Covid-19 ini. Sebagai petugas di barisan hadapan sudah semestinya saya sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh berlaku. Sejujurnya saya merasakan P.K.P ini harus dilanjutkan sehingga fasa ke 6 atau mungkin lebih lagi, bergantung kepada keadaan semasa.

FK: Apakah yang anda risaukan ketika menjalankan tugas sebagai *frontliners*?

B: Sebagai *frontliners* kesihatan diri adalah perkara pertama yang saya risaukan. Oleh sebab itu, semasa menjalankan tugas saya akan pastikan saya menggunakan P.P.E *(Personal Protection Equipment)* yang lengkap dan menjalankan tugas mengikut S.O.P yang telah ditetapkan.

FK: Sebagai *frontliners*, adakah anda pernah disyaki dijangkiti?

B: Setakat ini saya belum pernah lagi disyaki dijangkiti dan belum ada lagi rakan setugas yang telah disyaki dijangkiti.

FK: Selain tugas/tanggungjawab pekerjaan anda, bagaimana pula tanggungjawab anda di rumah dalam menjalani PKP ketika ini?

B: Sebagai ketua keluarga, saya sentiasa cuba yang terbaik untuk memastikan segala keperluan harian keluarga saya mencukupi sepanjang tempoh PKP ini. Selain itu saya juga sering menasihati ahli keluarga supaya menjaga tahap kebersihan kendiri dan persekitaran (rumah/kawasan rumah) pada tahap yang optima.

FK: Adakah terdapat keberatan sedikit atau banyak daripada ahli keluarga anda Ketika mengetahui bahawa anda perlu bertugas sebagai *frontliners* ketika P.K.P berlaku?

B: Semestinya mereka risaukan saya, bertugas sebagai *frontliners* mempunyai risiko dan pendedahan yang cukup tinggi terhadap penyakit ini.

FK: Adakah ahli keluarga atau ahli sebumbung anda menitik beratkan soal kebersihan ketika anda pulang daripada bertugas? Adakah terdapat S.O.P anda tersendiri ketika dalam rumah?

B: Ahli keluarga saya sangat menitik beratkan soal kebersihan saya dan sentiasa memastikan bahawa saya betul-betul dalam keadaan yang bersih sebelum memasuki rumah. Saya akan membersihkan diri dan pakaian terlebih dahulu di luar rumah.

FK: Adakah terdapat apa-apa jenis bantuan daripada kerajaan/NGO/majikan ketika anda bertugas dalam bentuk apakah bantuan tersebut? Adakah anda berasa bantuan tersebut cukup? Adakah bantuan yang diberi sesuai dengan keperluan?

B: Saya cuma dapat katakan bahawa segala jenis bantuan yang diberikan setakat ini adalah mencukupi dan sesuai dengan keperluan saya.

FK: Sebagai *frontliners*, apakah pendapat anda tentang kerjasama orang ramai dalam mengharungi PKP dalam menangani penyebaran wabak ini? Apakah pesanan anda kepada orang ramai sebagai Frontliners?

B: Dalam keadaan dan situasi di tempat saya bertugas kerjasama orang ramai sangat memuaskan setakat ini. Pesanan saya kepada orang ramai adalah seandainya anda mengalami gejala COVID-19 (Demam / Batuk / Sukar bernafas) dan merupakan *contact* rapat kepada pesakit COVID-19 atau jika tinggal / pernah berada di kawasan penularan COVID-19 yang telah dikenal pasti, segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berdekatan anda. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

- Amalkan memakai penutup hidung dan mulut jika bergejala dan bila ingin keluar rumah.
- Kerapkan mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.
- Jaga jarak sosial anda sebaik-baiknya 2 meter.
- Teruskan duduk rumah, pastikan anda mematuhi PKP yang telah ditetapkan agar kita dapat sama-sama membendung penularan wabak ini.



RESIPI AYAM PANSUH

by Chef Naqie

BAHAN-BAHANNYA:

Seikat daun ubi
Bawang putih
Bawang merah
Halia
Perencah stok ayam
Garam
Seruas buluh
Serai
Bunga kantan
Tepus (wild ginger)
Seekor ayam

KAEDAH PENYEDIAAN:

1 Hiris bawang merah, bawang putih, halia, tepus dan serai. Tumbuk menggunakan lesung (ianya juga boleh dikisar). Anda disarankan menggunakan lesung untuk mendapatkan rasa yang asli. Hiriskan ayam mengikut isipadu buluh.

2 Letakkan kesemua bahan-bahan tadi didalam bekas dan kacau secara perlahan. Kemudian, campurkan bahan-bahan yang sudah ditumbuk dan tambah garam dan stok ayam secukup rasa.

3 Biarkan campuran beberapa minit untuk memastikan bahan perapannya yang sedap dan letakkan daun didalam buluh dan perlahan-lahan letakkan ayam serta baha peprapannya. Isi sehingga dihujung buluh dan sumbatkan segumpal daun ubi untuk menutup bukaan buluh. Elakkan daripada menghentak buluh. Masukkan sedikit air ke dalam buluh.

4 Bakar buluh diatas api. Pastikan anda menjaganya dengan memutarkan permukaan buluh secara berkala untuk mengelakkan buluh retak. Masakan akan mengambil masa dalam setengah jam atau apabila wap keluar dari penutup buluh yang menandakan ayam pansuh telah pun siap. Teknik memasak ayam ini juga boleh dimasak menggunakan kuali, tetapi untuk merasa asli ayam pansuh anda harus mencuba memasaknya dengan memakai buluh. Selamat mencuba!

TAHUKAH ANDA?

Pokok Tepus adalah sejenis pokok yang terdapat di hutan Malaysia, dan nama botani pokok tepus adalah Amomum spp. Selain untuk resipi masakan,pucuk tepus juga digunakan didalam perubatan tradisional.

Senarai jenis-jenis pokok tepus:

Pokok Tepus (Amomum krervanh) / Amomum lapaceum)
Pokok Pelaga / buah pelaga (Amomum kepulaga)
Pokok Tepus Batu (Amomum ochreum)
Pokok Tepus Sigung (Achasma coccineum Val.)
Pokok Tepus Kijai (Alpinia purpurata)

"SAME AS IT EVER WAS"

TEMURAMAH BERSAMA

PROVISION

teks temuramah oleh: Haizan

rekaletak: noblersavage

foto-foto: Adek Provision

Seorang sahabat lama saya dalam scene hardcore/punk, Adek bassist band PROVISION akan menjawab soalan temubual yang kami berdua lakukan di aplikasi Whatsapp pada musim PKP fasa ke-4. Lama jugak aku tak mendengar khabar berita Adek dan rakan-rakan PROVISION yang lain. PROVISION merupakan antara band hardcore yang terawal aku kenal di bandar Kuching ni semenjak zaman masih sekolah menengah dalam tahun 1997/98/99. Nama band tersebut selalu terlihat pada flyers gig di sekitar Kuching. Mereka aktif pada era lewat 90-an, banyak jugak rasanya soalan yang saya nak tanya dengan Adek pasal PROVISION dan scene hardcore/punk Kuching era lewat 90-an dahulu. Jadi kita teruskan sesi temubual bersama Adek dari band PROVISION, selamat membaca.

Haizan (H): Assalamualaikum, apa khabar Dek? Terima kasih sebab sudi ditemuramah, seperti biasa pembuka kata anda untuk pembaca.

Adek (A): Waalaikumusalam. Terima kasih Haizan, (my old friend) sebab berkunjung untuk berbicara secara virtual di musim PKP. Alhamdulilah sihat. Agak terkejut bila diberitahu tujuan temuramah tadi. Sebab bagi aku banyak lagi ahli-ahli yang lebih arif. Kepada semua yang membaca Assalam dan salam sejahtera semua. Terima kasih sebab sudi menampilkan coretan jawapan saya dalam edisi ini.

H: Kita sekarang di seluruh dunia sekarang telah dilanda wabak covid19, bagaimana anda dengan kehidupan anda ketika PKP ini?

A: Satu kejutan buat seluruh umat manusia di dunia apabila dilanda virus covid-19. Segala kebiasaan kita tidak dapat lagi dilaksanakan seperti dahulu. Norma baharu adalah terma yang diketengahkan sekarang. Musim yang begitu mencabar dari segi ekonomi, sosial dan politik serta bermacam lagi bidang yang terkesan. Dari segi kehidupan peribadi macam biasa banyak masa di rumah bersama keluarga, masih ke pejabat untuk melaksanakan tugas. Aktiviti di rumah sama juga macam anda sekalian. Banyak hikmah dan pengajaran dairpada berlakunya musibah ini. Covid-19 yang berskala global memang di luar kawalan tetapi yang penting langkah pencegahan perlu dititikberatkan.

H: Terlalu lama sebenarnya saya tak dengar khabar tentang PROVISION, apa cerita sekarang? Cerita sikit Adek, kalau nak jemput main gig nanti boleh tak? Hehehe...

A: PROVISION boleh dikatakan dah berehat sekarang. Semua band members dah *fully committed* dengan keluarga dan kerjaya masing-masing. Kali terakhir beraksi pada tahun 2009 kalau tak silap

THIS IS OLD SCHOOL !!

REMEMBER THE OLD DAYS

Gig di Jupiter Kuching, Tahun 1998-1999

Show di waterfront. Skateboard competition. 1999

Gig di Dewan Batu 7, tahun 1999

(*Straight to Your Face* gig) atas jemputan kawan-kawan. Itu pun kita menggunakan khidmat sessionist. Kalau ada jemputan gig mungkin kita agak terbuka dengan cadangan tersebut. Sekiranya diizinkan dengan band member yang sedia beraksi, *why not?*

H: Ertinya cuma berehat saja la, masih dapat dipertimbangkan jika ada jemputan lah kan Dek? hahaha.. Jadi di sini aku nak kau ceritakan bagaimana boleh tertubuhnya PROVISION dan bagaimana kau mula2 meminati muzik dan scene hardcore?

A: In shaa Allah haha jika tiada aral melintang. Aku mula meminati muzik hardcore punk semenjak sepupu aku (Adra dari band Pointless Judgement) dari semenanjung belajar di UNIMAS sekitar tahun 1996. Beliaulah yang memperkenalkan kepada aku beberapa rilisan hardcore/ punk pada waktu tersebut.

Setelah mendengar beberapa rilisan tersebut maka timbul minat untuk mencari lebih lanjut mengenai band-band hardcre/punk dan sewaktu dengannya.

Atas timbulnya keinginan untuk cover lagu-lagu hardcore/ punk maka aku dan kawan-kawan rapat bercadang untuk mencuba menubuhkan band untuk jamming pada hujung tahun 1997 selepas habis peperiksaan SPM. Maka aku, Boy dan Siman bersetuju untuk memberi komitmen dimana Siman menawarkan diri untuk menjadi vokal, Boy 1st gitar dan aku, bass. Seterusnya kami memerlukan seorang drummer dimana Godeng telah mengisi kekosongan tersebut. Seterusnya kawan beliau iaitu Boy (Hawari) diajak bersama untuk jamming dan mengisi second vocal.

Seterusnya bila line up sudah ada baru kami memikirkan mengenai nama band setelah berbagai nama dicadangkan. Nama PROVISION agak straight forward dan bersesuaian dengan ciri-ciri muzik yang diketengahkan.

H: Pada ketika itu adakah di Kuching sudah ada band-band atau scene hardcorenya sendiri? Pengaruh kuat muzik PROVISION dan band-band yang menjadi idola kalian?

A: Seingat aku pada waktu tersebut sudah ada band-band seperti Fist of Fury, Audio Godz, Decibel Crank, Youth Against.

Pengaruh muzik bagi kami Disaster Funhouse, Second Combat, Minor Threat, Youth of Today, BOLD, Chain of Strength, Gorilla Biscuits, Ignite, Cause for Alarm, Warzone dan banyak lagi.

H: Boleh tak ceritakan pengalaman PROVISION ketika di awal-awal penglibatan dalam scene dan bagaimana keadaan scene underground di Kuching pada era 90an?

A: Pada awal penubuhan PROVISION kita berkumpul sesama kawan-kawan dan banyak mencari info atau knowledge tentang etika hardcore/punk serta band-band local dan oversea yang boleh beri input kepada kami.

Bermula lah sesi jamming di studio dengan cover lagu yang pelbagai. Pada era 90an sudah banyak band-band diy yang terbit. Kadang-kadang sewaktu menunggu giliran sebelum jamming kita akan mendengar band-band yang

mendendangkan lagu-lagu mereka sendiri dan cover dalam pelbagai genre. Jika ada genre seperti hardcore/punk maka kita akan berusaha untuk berkenalan dengan mereka supaya boleh mempelajari dari orang-orang lama.

Waktu tersebut memang dah ada budaya gig campur iaitu bermacam genre muzik. Band-band punk/oi/metal/hardcore beraksi dalam satu gig yang sama bukan asing lagi di Kuching sehingga sekarang.

PROVISION pun tidak ketinggalan dalam menghasilkan lagu sendiri dan mula untuk merealisasikan lagu tersebut dalam sesi jamming. Kita pada waktu tersebut juga banyak hadir di gig-gig yang dianjurkan. Bertujuan untuk mencari kenalan yang baru serta bertukar-tukar pendapat/ stuff dan bermacam lagi. Disitu lah kami banyak berkenalan dengan orang-orang lama dalam scene dan mereka lah banyak membantu kami untuk melihat scene dari aspek yang sesuai.

Waktu tersebut band-band tidaklah banyak seperti sekarang. Tapi dalam bilangan yang terhad, kita dapat bersua muka dengan lebih kerap dimana saling bertukar pendapat serta banyak diskusi mengenai scene etc.

H: Ertinya ketika PROVISION baru bergiat aktif, scene di Kuching boleh dikatakan sudah meriah la pada waktu itu? Band-band apakah yang aktif ketika itu dan ada tak band tempatan dari Kuching yang boleh dikatakan sebagai pengaruh atau idola PROVISION?

A: Boleh dikatakan waktu tersebut scene di Kuching sudah menampakkan kemeriahan apabila banyak gig-gig diadakan, band-band lama dan baru banyak berlatih / jammimg di Kuching Plaza (KP) ketika itu. Boleh juga dikatakan hari Sabtu adalah hari untuk scenester berjumpa di KP dan melakukan banyak aktiviti seperti diskusi, jamming, penjualan stuff kepada rakan taulan etc. Band yang aktif agak banyak dr bermacam genre hc/punk/metal/ oi. Kalau nak kira band tempatan yang banyak memberi pengaruh kepada kami iaitu Fist of Fury, Decible Crank, Youth Against, Pro-Sucks etc

H: Biasanya mesej yang anda cuba sampaikan dalam lagu berkisarkan tentang apa? Semenjak dari penubuhan PROVISION berapa rilisan yang telah kalian hasilkan?

A: Kebanyakan lagu PROVISION pada waktu tersebut berkisarkan tentang kebebasan yang begitu terhad dalam sosiopolitik semasa, apa hak-hak kita sebagai rakyat/manusia, tentang kerakusan manusia yang mempunyai kuasa, kesan penindasan golongan kapitalis dan bermacam lagi. PROVISION hanya sempat merekod demo 4 lagu tetapi tidak sempat untuk dirilis atas sebab kualiti rekod yang tidak memuaskan. Di samping itu, PROVISION pernah terlibat menyumbang dua lagu iaitu *Our Rights* dan *Choice of Freedom* dalam Miaow City Attack Compilation 2 bersama band-band seperti Synchronizer, Youth Against, Decible Crank dan Grumpy Monk.

H: Apakah bahan bacaan / zine yang pertama kali dibaca oleh kamu yang mempengaruhi penglibatan PROVISION dalam scene?

A: Kalau tak silap zine *Buddy Holly* yang dihasilkan oleh Naza (edisi tak ingat yang ke berapa). Zine tersebut banyak memberi input dan info tentang scene yang membantu PROVISION bertapak dalam scene pada waktu tersebut.

H: Straight edge. Ada diantara kamu seorang straight edge? Sejauh mana pendekatan positif ini sewaktu era 90an?

A: Kalau dalam band PROVISION saya merupakan seorang straight edge. Seperti yang kita tahu dalam scene juga banyak elemen positif sudah diketengahkan bermula awal lagi. Apa yang penting adalah menghormati setiap pandangan masing-masing serta menerapkan Positive Mental Attitude dalam apa jua yang diusahakan seperti dalam lirik lagu dan sebagainya.

H: Pada pendapat anda yang pernah merasai scene sekitar lewat 90an dulu, apakah perbezaan yang anda lihat tentang scene era 90an sehingga sekarang? Kerapkah anda pergi ke gig-gig yang dianjurkan pada waktu sekarang?

A: Perbezaan yang paling ketara adalah sekarang sudah banyak band-band, organizer gig-gig, independent record label, distro etc. Masa kini akses maklumat mengenai scene dan info band-band amat senang dicari berbanding masa dulu dimana cara berkomunikasi amat terhad.

Sekarang, kalau ada gig yang dianjurkan jika masa bersesuaian memang kita akan hadir bagi memberi sokongan dan menikmati suasana gig tersebut.

H: Apa harapan anda terhadap scene hardcore/punk Kuching di masa akan datang? Mungkin ada sedikit idea dan pendapat yang anda ingin kongsikan bersama pembaca?

A: Harapan? Ok, untuk scene di Kuching khususnya kalau boleh pertahankan sikap DIY yang ada dalam setiap kalian. Lakukan apa-apa usaha yang difikirkan baik untuk scene dalam mode yang ikhlas. Terus kita berjuang dan jadilah diri kita sendiri.

H: Kita sudah sampai ke penghujung sesi temuramah, apa-apa pun aku nak berterima kasih banyak kepada kau Dek sebab sudi melayan temuramah yang aku buat ni, sila ucapkan sepatah dua kata penutup untuk pembaca semua Dek?

Terima kasih Haizan and the gang kerana menemuramah aku yang mewakili PROVISION. So kata terakhir.. *Remember The Old Days*.

WOUNDED FLAME

interview by: Jawnss
photo by: Wounded Flame & @avettdaybad
layout by: noblersavage

Jawnss(J): Haluu bro.. Kalau kau free, aku nak buat sedikit sesi temubual berkaitan dengan band kau WOUNDED FLAME boleh?

Farrel (F): Yo dude! Boleh saja *peace emoji*

J: Ok. Sila perkenalkan band anda WOUNDED FLAME.

F: Sure. Kami WOUNDED FLAME, 4-piece metal-hardcore band berasal dari Miri, Sarawak. Musik kami berkonsepkan "modern hardcore sound" dengan memasukkan sedikit beatdown and blend it with floor-punching breakdowns.

J: Wow! Sangat menarik! Tahun bila WOUNDED FLAME ditubuhkan?

F: Ia ditubuhkan pada hujung tahun 2018 dan bermula aktif pada awal tahun 2019.

J: Tadi berkaitan dengan genre iaitu "Metal-Hardcore", apa yang dimaksudkan dan band-band apakah yang mempengaruh WOUNDED FLAME?

F: Senang kata "sandwiched between hardcore and metalcore" dan kami sangat kuat dipengaruhi oleh band-band seperti "KNOCKED LOOSE, VARIALS, KUBLAI KHAN, CODE ORANGE dan APLHA WOLF".

J: Nice! Minta maaf kalau saya kurang tahu atau terlepas info terhadap band korang eheh..

F: Tidak apa dan terima kasih kerana telah bertanya tentang WOUNDED FLAME.

J: Ya, saya ada beberapa benda lagi nak tanya lebih lanjut tentang WOUNDED FLAME. Adakah kalian sudah rilis sebarang material seperti demo?

F: Sebelum pandemic ini kami telah rilis debut demo (Demo 2020) di laman Bandcamp (https://woundedflame.bandcamp.com) mempunyai 3 tracklist dan direkodkan oleh kami sendiri (home recording). Track "Murka" merupakan track yang telah dibuat oleh gitaris utama WOUNDED FLAME sebelum dia mengundur diri dari band ini.

J: Untuk upcoming show?

F: So far, due to this pandemic, we have no any upcoming show. We were supposed to play 2 hometown gig, last March and this month (April). We are looking forward to play more shows this year after this pandemic end very soon. We also will try to approach and bring some of our friends that play in other bands to be featured in our upcoming material.

Jawns: Yess, many band have to cancel their show due to this pandemic and any other plan after this pandemic? Buat stuff or merch untuk kawan-kawan yang akan datang gig?

F: We are planning to do some merchandise like T-shirts, stickers and physical copy of our demo. Besides that, we will also release our demo and footage from our previous show on our Youtube channel.

J: Fuhh! Saya sungguh excited mendengar ini.

F: yaa, hope this pandemic end soon. Go corona! Corona go!

J: Jadi, apa pengajaran yang kalian dapat semasa kuarantin ini? Kau boleh juga tanya bandmate..

Pada keesokan harinya..

